



# Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

**BH**  
Berita Harian

## Malaysia, Perancis tubuh jawatankuasa bersama bincang isu sawit

» Beri penjelasan dan perbetul persepsi negatif terhadap minyak sawit

Oleh Norazura Aila Mohd  
Hassim azuraaila@mpob.gov.my

PARIS

Malaysia dan Perancis ber-setuju menubuhkan jawatankuasa bersama bagi membincang isu berkaitan minyak sawit, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Persetujuan itu dinyatakan Menteri Pertanian, Makanan Pertanian dan Perhutanan Perancis, Stephane Le Foll sewaktu mesyuarat bersama Tan Sri Bernard Dompok sempena Misi Ekonomi dan Promosi Minyak Sawit ke Perancis pada 13 dan 14 September lalu.

Turut serta dalam misi itu, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr.

Choo Yuen May; Pengurus Serantau MPOB Eropah, Dr Nagen-dran Balasundram dan Pegawai Khidmat Nasihat Teknikal MPOB.

Misi yang diketuai Tan Sri Bernard Dompok itu bertujuan

memberi penjelasan dan membetulkan persepsi negatif terhadap minyak sawit oleh pengguna di samping mengintai peluang dan kerjasama untuk mengembangkan pasaran minyak sawit dan produk berkaitannya di Perancis.

### Atur program

Pelbagai program diatur sempena misi ini seperti mesyuarat bersama Menteri Pertanian, Makanan Pertanian dan Perhutanan Perancis, Stephane Le Foll; perjumpaan bersama pengimport, peruncit dan pengilang produk sawit Perancis dan temuramah serta si-

dang media dengan media Perancis.

Mesyuarat bersama pengimport, peruncit dan pengilang produk sawit Perancis dihadiri 16 organisasi. Pada mesyuarat ini, Tan Sri Bernard Dompok men-

jelaskan bahawa industri minyak sawit Malaysia adalah industri yang mampan dan dikawal selia lebih 60 undang-undang dan peraturan.

Beliau berkata, keluasan tanah di Malaysia masih lagi dilitupi oleh 56 peratus kawasan hutan dan taman negara, kawasan perlindungan hidupan liar dan rizab hutan.

“Malaysia sedang berusaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran minyak sawit dengan menanam semula pokok sawit yang sudah tua dan kurang produktif melalui Amalan Pertanian Baik (GAP).”

Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

“Malaysia sedang berusaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran minyak sawit dengan menanam semula pokok sawit yang sudah tua dan kurang produktif melalui Amalan Pertanian Baik (GAP).”

Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi



Tan Sri Bernard Dompok dan Stephane Le Foll semasa mesyuarat dua hala sempena lawatan Misi Ekonomi dan Promosi Minyak Sawit ke Perancis.

(GAP).

“Malaysia menyasarkan untuk meningkatkan pengeluaran minyak sawit dari 4 tan sehektar setahun kepada 8 tan sehektar setahun menjelang tahun 2020,” katanya.

Temuramah dan sidang media dengan media Perancis turut diatur bertujuan untuk memberikan maklumat yang tepat yang diharap dapat menjernihkan persepsi negatif masyarakat Perancis terhadap minyak sawit.

## Kilang sawit perlu pasti alam sekitar terpelihara, elak cemar

Oleh Muzzammil Ngatiman  
muzzammil@mpob.gov.my

**KOTA KINABALU:** Kilang sawit digesa supaya prihatin dan memastikan alam sekitar terutama sungai, hidupan liar dan ekosistem di kawasan berhampiran kilang terpelihara dan mengelakkan dari berlakunya pencemaran oleh efluen dari kilang berkenaan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian ketika perjumpaan tertutup dengan wakil 29 buah kilang sawit dari Daerah Kinabatangan yang diadakan di sini baru-baru ini. Tujuan perjumpaan itu adalah

untuk membincang, berdialog dan untuk mendapatkan maklum balas dari pihak kilang di kawasan berkenaan berkaitan isu alam sekitar dan pencemaran Sungai Kinabatangan dengan efluen kilang sawit.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, walaupun industri sawit adalah penyumbang besar kepada pembangunan ekonomi negara, adalah juga penting bagi memastikan agar kelestarian alam sekitar dijaga dengan baik.

“Adalah menjadi tanggungjawab semua kilang agar dapat menunjukkan keprihatinan terhadap pemeliharaan alam sekitar terutama sekali sungai-sungai, hi-

dupan liar dan ekosistem yang terdapat di sekitar premis kilang.

“Dalam mencari keuntungan, kilang sawit perlu prihatin dengan memastikan alam sekitar terus dipelihara untuk generasi akan datang.

“Kita mengucapkan tahniah kepada kilang yang menunjukkan usaha baik dalam memelihara sungai berdekatan seperti membangunkan sistem perawatan termaju, mengguna semula bahan buangan sawit dan terdapat juga yang memperkenalkan konsep kilang sifar bahan buang,” katanya.

Beliau berkata, Kerajaan juga menggalakkan lebih banyak kilang supaya dapat membangun

teknologi yang dapat membantu merawat sisa buangan kilang sawit.

Dalam hal ini, MPOB menjalankan beberapa siri kajian dan penyelidikan terhadap keberkesanan sistem perawatan tertiar dalam memperbaiki kualiti rawatan efluen kilang sawit yang boleh diguna pakai kilang.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, tindakan sesetengah kilang yang melanggar peraturan pelepasan efluen kilang sawit dengan mengambil jalan mudah melepaskan ke dalam sungai adalah amat mengecewakan.

Beliau menegaskan, sebarang pelanggaran terhadap peraturan yang ditetapkan pihak berkuasa

tempatan mahupun persekutuan akan disusuli dengan tindakan tegas berdasarkan kepada undang-undang yang termaktub.

Bagaimanapun, Tan Sri Bernard Dompok menjelaskan, hasil dari lawatan dan tinjauan yang dilakukan ke kawasan Kinabatangan baru-baru ini, beliau berpuas hati kerana air dirawat dan dilepaskan ke dalam sungai berada pada tahap dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu 20ppm Biological Oxygen Demand (BOD).

Turut hadir pada majlis dialog itu, Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim dan Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

Pada tahun 2011, jumlah kawasan tanaman sawit di Malaysia adalah 5 juta hektar. Perkembangan yang dinamik ini menunjukkan bahawa industri sawit terus berkembang dan menyumbang kepada pendapatan negara serta menawarkan peluang pekerjaan.

Industri sawit amat bergantung kepada tenaga kerja dalam aktiviti ladang. Tahun lalu, keperluan tenaga kerja bagi ladang sawit menjangkau sehingga 491,339 dan sebanyak 92 peratus adalah untuk keperluan ladang. Tenaga kerja asing dalam perladangan sawit menjangkau 75.9 peratus. Oleh itu, penggunaan kaedah mekanisasi wajar dipertingkatkan untuk kesinambungan industri sawit jangka masa panjang.

MPOB sedang dan telah membangunkan pelbagai teknologi mekanisasi yang berjaya dikomersialkan seperti Grabber, treler motosikal, alat pemotong bermotor (CANTAS) dan jentera pengangkut buah tandan segar (BTS) Beluga untuk kawasan tanah gambut dan lembut.

MPOB sering menjalankan usaha sama dengan syarikat tempatan bagi membangunkan jentera kegunaan ladang. Adalah menjadi visi MPOB supaya semua operasi ladang dapat dimekanisasikan di mana produktiviti ladang dapat ditingkatkan dengan tenaga kerja yang minimum dan kos operasi yang rendah.

Jentera penuai mekanikal sedang dibangunkan bagi menangani isu penuaian pokok yang berketinggian melebihi 10 meter yang tidak dapat dicapai CANTAS.

Jentera yang dioperasikan seorang operator ini mampu untuk menuai, mengutip serta memunggah BTS dan dapat mengurangkan masalah buah relai. Bagi pengangkutan BTS dalam ladang pula, kebanyakan jentera yang dibangunkan mengutamakan mobiliti di kedua-dua kawasan rata dan beralun yang sekali gus membantu meningkatkan produktiviti.

Bagi kawasan berair atau lembut seperti tanah gambut, penggunaan jentera berantai dapat menangani masalah BTS yang tidak dapat dikeluarkan dari ladang. Jentera kecil boleh milik juga banyak dibangunkan bagi kegunaan pekebun kecil seperti treler motosikal, kereta sorong bermotor/bateri dan alat pengangkut jenis kompak.

Keperluan buah relai juga ditekankan dalam pembangunan alat mekanisasi seperti merekabentuk alat pemungut buah lerai menggunakan tenaga sedutan hampagas atau cara yang lebih ringkas, pemungut golek.

Penggunaan alat mekanisasi sememangnya bertujuan mengurangkan tenaga kerja. Sebagai contoh, CANTAS dapat menjimatkan separuh keperluan tenaga kerja berbanding cara manual. Nisbah tenaga kerja:tanah juga dapat ditingkatkan dari 1tenaga kerja:21 hektar kepada 1 tenaga kerja:39 hektar.

Bagi mencetus dan menggalakkan penggunaan alat CANTAS di ladang sawit, MPOB menawarkan Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC) di mana potongan sebanyak RM1,000 seunit diberikan kepada pembeli yang layak. Skim CANTAS Untuk Semua (SCANS) pula adalah pinjaman yang diberikan kepada pekebun kecil berdaftar sebagai ahli koperasi, bagi membolehkan mereka berpeluang memiliki CANTAS.

Bagi meningkatkan minat anak watan untuk menceburi industri sawit, MPOB sedang giat menawarkan latihan kemahiran pengendalian dan pembaikan jentera ladang menerusi Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML).

Pendedahan mereka kepada senario alam pekerjaan juga diberikan melalui latihan industri di ladang komersial terpilih. Kini, hampir kesemua lepasan KOML berjaya diambil bekerja di ladang komersial selepas menamatkan pengajian.

Pada 23 dan 24 Oktober 2012, MPOB akan menganjurkan seminar mekanisasi kelima, iaitu PalmMech 2012 yang akan menyediakan platform perbincangan mengenai isu-isu mekanisasi. Tema kali ini adalah 'Accelerating Mechanisation for Higher Productivity'.

Pembentang kertas kerja berpengalaman luas dalam industri sawit akan mengemukakan perkembangan serta teknologi baru dalam mekanisasi. Peserta juga berpeluang melihat demonstrasi jentera terkini oleh pengeluar jentera yang akan mempamerkan serta membuat demonstrasi jentera di ladang.

Adalah menjadi harapan MPOB agar pihak industri meningkatkan penerapan mekanisasi ladang, demi peningkatan produktiviti pekerja ladang. Di samping itu, dengan adanya lepasan anak muda bertauliah melalui KOML, sedikit sebanyak kebergantungan industri ini kepada tenaga kerja asing dapat dikurangkan. Ini dapat menjamin kesejahteraan industri sawit negara untuk jangka masa panjang.



**MINDA**  
Datuk Dr Choo Yuen May

Ketua Pengarah  
MPOB

# Menteri promosi sawit ke Perancis, Romania

» Kerjasama tingkat dagangan minyak sawit ke Eropah Timur

Oleh Dr Yeong Shoot Kian  
yeong@mpob.gov.my

► BUCHAREST

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, mengetuai delegasi Misi Ekonomi dan Promosi Minyak Sawit ke Perancis dan Romania selama 8 hari untuk mempromosikan minyak sawit dan produk berasaskannya.

Misi berkenaan juga disertai pegawai kanan dari sektor awam dan swasta. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) diketuai Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May; Pengurus Serantau MPOB (Eropah), Dr Nagendran Balasundram dan Pegawai-pegawai Kanan.

Turut sama, Pengerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Lee Yeow Chor dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Dr

Yusuf Basiron.

Di sini, Tan Sri Bernard Dompok merasmikan Seminar Perdagangan Minyak Sawit (POTS) Romania di JW Marriott Grand Hotel, yang disertai lebih kurang 320 orang peserta. POTS adalah program anjuran bersama MPOB dan MPOC.

**Jaringan kerjasama**

Dalam ucapan perasmian POTS Romania, Tan Sri Bernard Dompok berkata, POTS Romania adalah platform yang membuka jaringan kerjasama antara Malaysia-Romania bagi meningkatkan perdagangan minyak sawit ke rantau Eropah Timur yang mempunyai penduduk seramai 292 juta.

Selain itu, kedudukan geografi Romania yang strategik bersebelahan Laut Hitam dan mempunyai kemudahan pelabuhan yang baik iaitu Pelabuhan Constanta adalah pintu masuk kepada pengimportan minyak sawit ke negara-negara jiran.

Sebanyak 10 kertas kerja dan satu kertas plenari dibentangkan pada POTS Romania yang menyentuh beberapa isu seperti perdagangan, nutrisi, aplikasi dalam produk makanan dan bukan makanan dan kemampuan minyak sawit.

Datuk Dr Choo yang memben tang kertas kerja bertajuk 'Malaysian Oil Palm Industry: Enhancing Competitiveness' menjelaskan, industri Sawit Malaysia berupaya meningkatkan daya saing dalam memenuhi cabaran global.

Sewaktu pembentangan, Datuk Dr Choo menggariskan tiga mesej utama bagi minyak sawit Malaysia berupaya berdaya saing di pasaran iaitu industri sawit Malaysia adalah sangat kompetitif dan cekap, justeru industri minyak Romania boleh yakin dengan bekalan berterusan produk sawit Malaysia.

Mesej kedua ialah produk minyak sawit Malaysia adalah mampan dan hijau dengan kesan karbon yang rendah dan mesej ketiga minyak sawit Malaysia disokong usaha penyelidikan dan pembangunan yang sentiasa menjana kegunaan baru dan produk yang terus menikmati penambahbaikan.

Selain itu, aktiviti pameran mem bawakan penyertaan 17 syarikat dan demonstrasi masakan menggunakan minyak sawit turut diadakan. Pameran dan demonstrasi diadakan bagi memperlihatkan kesesuaian dan kestabilan minyak sawit sebagai minyak gorengan.

## MPOB jalin kerjasama dengan Maccaferri

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

► KUALA LUMPUR

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Maccaferri (M) Sdn Bhd memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) di sebuah restoran di Kampung Pandan baru-baru ini bagi bekerjasama menjalankan penyelidikan dan pembangunan teknologi 'Oil Separation and Recovery Process' untuk kegunaan di kilang sawit.

Pada majlis itu, MPOB diwakili Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May manakala Maccaferri diwakili Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Itali Malaysia, Carlo Allaria.

Majlis menandatangani itu disaksikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok. Turut hadir, Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad dan Ketua Pegawai Eksekutif Maccaferri Asia, Ugo Castellotti.

Tan Sri Bernard Dompok semasa berucap mengalu-alukan usaha kerjasama teknikal antara MPOB dan Maccaferri bagi membangun teknologi meningkatkan prestasi dan efisiensi kilang sawit terutama untuk meningkatkan kadar perahan minyak (OER).



Tan Sri Bernard Dompok bersama Datuk Dr Choo Yuen May dan Carlo Allaria melihat dokumen MoU yang baru ditandatangani antara MPOB dan Maccaferri untuk bekerjasama menjalankan **penyelidikan dan pembangunan teknologi kilang sawit**. Turut kelihatan Tan Sri Shahrir Abdul Samad (belakang kanan).

"Maccaferri, walaupun baru terbabit dengan industri sawit, namun adalah syarikat yang berpengalaman luas dalam bidang teknologi pengasingan minyak dan mengutip minyak tumpah terutama yang terapung di lautan.

"Teknologi ini digunakan di kebanyakan kilang keluli dan di lautan sewaktu berlakunya tumpahan minyak yang diangkut dengan kapal akibat pelanggaran dan kemalangan," katanya.

Beliau berkata, teknologi ini adalah sangat bersesuaian untuk digunakan di kilang sawit yang memerlukan proses pengasingan minyak dengan bahan asing yang

lain bagi menghasilkan minyak sawit berkualiti dan selamat dimakan.

"Pada masa sama melalui penggunaan teknologi ini juga mereka berupaya mengekstrak semula tinggalan minyak yang gagal diperah melalui proses pengekstrakan yang biasa digunakan dan sekali gus meningkatkan OER kilang sawit.

"Dengan harga pasaran minyak sawit yang melebihi RM2,000 satu tan masa kini, setiap titik minyak sawit yang berjaya diperah dan diekstrak oleh kilang adalah keuntungan dan peningkatan kepada pendapatan," katanya.

# Biomass sawit hasilkan MDF

» MPOB, LKTN serta Donghwa meterai kerjasama

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bersama Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) dan syarikat Donghwa Malaysia Holdings Sdn Bhd menandatangani Memorandum Persafahaman (MoU) bagi bekerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan untuk menghasilkan Medium Density Fiberboard (MDF) atau papan gentian berketumpatan sederhana dari bahan mentah campuran kenaf, biomassa sawit, kayu getah dan kayu keras tropika campuran.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin yang menyaksikan majlis menandatangani

MoU itu berkata, kerjasama bagi menghasilkan MDF bersumberkan komoditi itu adalah pendekatan strategik Kerajaan melalui perkongsian kepakaran dan kemudahan penyelidikan dan pembangunan yang sedia ada pada agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

"Ketiga-tiga pihak akan memainkan peranan masing-masing mengikut fungsi agensi dalam penyelidikan dan pembangunan bagi menghasilkan MDF mesra alam yang berupaya membuka peluang pasaran sama ada di dalam atau di luar negara.

"Kajian itu juga akan dapat memberi dimensi baru kepada penggunaan kenaf dan sisa biomassa sawit ekoran kekurangan bekalan bahan mentah berasaskan kayu dalam industri pembuatan MDF dalam negara pada masa kini," katanya.

### Mesra alam

Melalui hasil penyelidikan dan pembangunan ini, pengusaha yang mengeluarkan produk MDF akan mempunyai alternatif bahan mentah baru yang mesra



Dato' Hamzah (tiga dari kanan, belakang) menyaksikan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri, depan); Ketua Pengarah LKTN, Ahmad Loman (tengah, depan) dan Pengurus Besar Donghwa Malaysia, Won Bae Kim (kanan, depan) bertukar dokumen Memorandum Persafahaman (MoU) bagi kerjasama penyelidikan untuk menghasilkan Medium Density Fiberboard (MDF) dari bahan kenaf dan biomassa sawit. Turut kelihatan Pengerusi LKTN, Datuk Ismail Kassim (dua dari kiri, belakang) dan TKSU MPIC, M.Nagarajan (kiri)

alam dan kajian ini juga dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk menggunakan kenaf dan biomassa sawit dalam penghasilan produk MDF pada masa hadapan.

Dato' Hamzah berkata, melalui kerjasama ini LKTN akan menyediakan bahan mentah kenaf untuk diuji penyelidikan menggunakan kemudahan dan kepakaran yang dibangunkan MPOB.

### Donghwa pasar produk

"Hasil penyelidikan berkenaan kemudian akan dikomersialkan syarikat Donghwa Malaysia Holdings Sdn Bhd yang mampu

nyai pengalaman luas dalam menghasilkan dan memasarkan produk MDF," katanya.

Kini, Donghwa menggunakan 1,800 hingga 2,000 tan batang getah dan antara 120 hingga 150 tan batang sawit bagi menghasilkan MDF. Berikutan kekurangan bekalan, Donghwa mengenalpasti tanaman kenaf sebagai bahan mentah yang berpotensi untuk menghasilkan MDF.

Melalui kerjasama ini, dianggarkan potensi penggunaan kenaf dalam campuran bahan mentah biomassa sawit dan sumber kayu lain bagi penghasilan MDF adalah sekitar 5 hingga 20 peratus sekali gus

akan memberi impak ke atas permintaan kenaf dalam negara.

Dato' Hamzah berkata, beliau yakin melalui kerjasama ini akan menghasilkan situasi menang-menang kepada semua pihak terbabit yang juga akan berupaya menjana pendapatan kepada negara.

Turut hadir Pengerusi LKTN, Dato' Ismail Kassim; Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, M. Nagarajan; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May; Ketua Pengarah LKTN, Ahmad Loman dan Ketua Pengarah Pertanian Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Hasan Ismail.

## 35 peserta dari 17 negara sertai suaikenal sawit

Oleh Norazura Aila Mohd Hassim  
azuraaila@mpob.gov.my

**KUALA LUMPUR:** MPOB baru-baru ini menganjur Program Suaikenal Minyak Sawit Malaysia kali ke-32 yang merupakan program tahunan anjuran MPOB bersama Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) di bawah Kementerian Luar Negeri.

Seramai 35 peserta daripada 17 negara menghadiri program berkenaan. PKTM adalah penaja utama dengan menaja seramai 24 peserta, manakala MPOB menaja 7 peserta dan selebihnya peserta persendirian.

Program Suaikenal Minyak Sawit Kali Ke-32 itu telah dirasmikan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainuddin. Turut hadir, Pengarah Bahagian Penyelidikan Pembangunan Produk & Khidmat Nasihat, MPOB, Dr. Kalanithi Nesaretnam.

Dato' Hamzah berkata, program ini adalah modul intensif pengenalan kepada minyak sawit Malaysia bagi tujuan memberi pendedahan berkaitan komoditi ini kepada peserta luar yang negaranya tidak menanam sawit tetapi mengimport minyak sawit untuk makanan dan industri.

Pendedahan ini merangkumi sektor hulu, aliran tanaman



Dato' Hamzah Zainudin semasa merasmikan Program Suaikenal Minyak Sawit Kali Ke-32. Turut kelihatan Tan Sri Shahrir Abdul Samad (belakang), Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan), Ahli Lembaga MPOB, Datuk Tan Yong Ghee (kiri).

sawit, pengenalan sifat fizikal dan kimia minyak sawit termasuk isu-isu pemakanan, ekonomi dan kawalan mutu oleh pencekaman yang pakar dalam bidang berkenaan.

"Kita ingin mendedahkan kepada mereka bahawa minyak sawit dari Malaysia dihasilkan secara mampan, mesra alam dan yang lebih utama adalah selamat untuk digunakan sebagai bahan makanan dan terjamin kualitinya.

"Ketika ini, minyak sawit dan produk berasaskannya dieksport ke lebih 150 negara untuk ke-

gunaan makanan dan industri. Sejumlah 57.1 peratus minyak dan lemak yang diniagakan di pasaran dunia adalah minyak sawit," katanya.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May turut membentangkan kertas kerja bertajuk 'Palm Oil in the Global Oils and Fats Market' dan menghadiri sesi perbincangan pada hari terakhir program.

Majlis penutupan dan penyampaian sijil kepada peserta disempurnakan oleh Tan Sri Shahrir Abdul Samad.

# Malaysia hasil 80 tan biojisim sawit setahun

» 45 juta tan efluen kilang sawit ada biojisim pejal juga dihasilkan

Oleh Dr Anis Mohhtar  
nitar@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Industri Sawit Malaysia setiap tahun menghasilkan 80 juta tan biojisim sawit berasaskan berat kering yang terdiri tandan kosong, fiber mesokarpa, batang sawit dan juga pelepah sawit setiap tahun.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato Hamzah Zainuddin, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 45 juta tan efluen kilang sawit yang mengandungi biojisim pejal juga dihasilkan.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Biojisim Sawit 2012 anjuran MPOB.

Katanya, industri berkaitan sawit menyelesaikan masalah biojisim yang terlalu banyak ini. Contohnya penggunaan kaedah tradisional seperti menggunakan shell dan fiber mesokarp sebagai bahan bakar boiler menghasilkan stim untuk pemrosesan dan bekalan elektrik menjimatkan kos bahan bakar.

"Kilang juga mula menggunakan efluen (POME) menghasilkan biogas sebagai bahan bakar," ujarnya.

Sementara itu, Malaysia mengeluarkan polisi dan program meningkatkan penggunaan biojisim sawit.

## Lima polisi

Lima polisi bahan bakar yang

diumumkan pada 2001 mengenalpasti tenaga diperbaharu sebagai bahan bakar kelima selepas minyak, gas, arang batu dan hidroelektrik membekalkan tenaga kepada negara.

Tenaga dari biojisim ini salah satu sumber tenaga penting dan industri sawit menyumbang yang banyak. Di bawah program SREP, 17 projek biojisim sawit dan enam projek biogas diluluskan untuk penyambungan grid. Dari jumlah itu empat loji biojisim dan dua loji biogas berjumlah 43 megawatt kapasiti disambungkan ke grid.

Selain membekalkan tenaga grid, industri sawit juga aktif dalam projek berkaitan biojisim seperti Clean Development Mechanism (CDM).

## 26 projek biokompos

Sehingga Jun tahun ini sebanyak 26 projek biokompos, 24 projek tenaga biojisim dan 36 projek biogas industri sawit mendaftar untuk program CDM di bawah 'United Nations Framework Convention on Climate Change'.

Sementara pada Ogos lalu lapan projek tenaga dari biojisim memperoleh Certified Emissions Reduction or Carbon Credits bersamaan 1.61 juta tan karbon dioksida setara dan 12 projek biogas memperoleh 'carbon credit' bersamaan 363,845 tan karbon dioksida setara.

Katanya, sebagai usaha mengurangkan karbon, MPOB membangunkan loji rintis pertama penghasilan biodiesel sawit dengan kapasiti 3,000 tan biodiesel sawit



Dato' Hamzah Zainudin semasa merasmikan Persidangan Antarabangsa Biojisim Sawit MPOB 2012. Turut kelihatan Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Mohd Sanuri Shahid (kanan) dan Datuk Dr. Choo Yuen May (kiri).

setahun.

Teknologi ini ditingkatkan ke skala komersial dan kini ada enam loji komersial termasuk di Korea Selatan dan Thailand.

Kejayaan R&D biodiesel sawit mewujudkan National Biofuel Policy pada 2006 diikuti dengan implementasi program B5 di Malaysia. Program B5 ini membatikan percampuran lima peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel.

Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), industri sawit dikenal pasti salah satu dari 12 NKEA yang diberi fokus untuk meningkatkan pendapatan rakyat pada 2020.

Bagi industri sawit sendiri, lapan EPP dikenal pasti dan dua berkaitan biojisim sawit. Di bawah EPP 5, semua kilang sawit diharap mengadakan kemudahan perangkap biogas pada 2020. Ini untuk memastikan efluen digunakan sepenuhnya dalam penghasilan tenaga diperbaharu. Hingga kini 55 loji biogas dibangunkan dan 16 lagi dalam proses pembinaan manakala 150 dalam proses perancangan.

Kerajaan juga melancarkan 'National Biomass Strategy' pada November 2011 dengan fokus

biojisim sawit dan kemudian kepada biojisim sektor lain.

## Produk hiran

Strategi ini memberi peluang kepada Malaysia mengutamakan biojisim terutama biojisim sawit untuk kegunaan produk hiran bernilai tinggi selain bahan bakar untuk stim dan penghasilan tenaga elektrik. Strategi ini memberi peluang untuk kluster berasaskan tenaga dan biokimia.

Diharapkan ia mampu menghasilkan tambahan kepada GNI sebanyak RM30 juta dan mewujudkan tambahan pekerjaan sebanyak 67,000 pada 2020.

Penekanan seterusnya diberikan kepada R&D biojisim sawit. MPOB juga membangunkan pusat teknologi biojisim (Biomass Technology Centre, BTC) pada 2001 untuk menukarkan biojisim kepada produk bernilai tambah termasuk pulpa, papan lapis, papan gantian sederhana, komposit gantian plastik dan produk lain berasaskan kayu.

Ini akan meningkatkan tambahan pendapatan kepada industri dalam jangka masa panjang dan juga akan meningkatkan imej industri sawit sebagai industri mesra alam sekitar melalui pen-

dekatan sisa sifar.

Bagaimanapun isu berkaitan bekalan bahan biojisim dan harga yang tidak stabil memberi kesukaran kepada pertumbuhan industri berasaskan biojisim. Ia menghalang syarikat melabur dalam penghasilan produk biojisim sawit ini.

Bagi menyelesaikan isu ini, perkongsian bersama dengan penghasil biojisim terutama dari syarikat perladangan besar perlu diwujudkan.

Salah satu peneraju kepada penggunaan biojisim adalah pengurangan pelepasan gas rumah hijau.

Perdana Menteri mengumumkan pada Convention of Parties of the United Nations Framework Convention on Climate Change untuk menurunkan intensiti GHG per Gross Domestic Product (GDP) sehingga 40 peratus pada 2020.

Jika semua kilang sawit merangkap gas methane, lebih kurang 17 juta karbon dioksida dapat dikurangkan setahun. Penggunaan biojisim sawit untuk penghasilan produk biokomposit, biokimia dan generasi kedua biofuel juga akan menyumbang kepada pengurangan pelepasan



Tan Sri Shahrir Abdul Samad (empat dari kiri) bersama pembentang kertas kerja sempena Persidangan Kemampanan Minyak sawit di Sydney, Australia anjuran MPOB. Turut kelihatan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia, Datuk Salman Ahmad (kiri) dan Pengarah PDAS MPOB, Dr Kalanithi Nasaretnam (dua dari kiri).

## 75 hadir persidangan mapan anjuran MPOB

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim  
aznizan@mpob.gov.my

**Sydney:** Seramai 75 peserta daripada pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), zoo, industri makanan dan universiti menghadiri Persidangan Kemampanan dan Usaha Pemuliharaan oleh industri sawit Malaysia anjuran Lembaga Minyak

Sawit Malaysia (MPOB), di sini, baru-baru ini.

Persidangan yang dipengerusikan Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad itu turut dihadiri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia, Dato' Salman Ahmad dan Konsul Kehormat Malaysia ke Australia Selatan, Datuk Hassan Salleh.

# Lawatan perkukuh kerjasama 2 hala

» *Delegasi MPOB ke Canberra bertemu ahli Parlimen Australia*

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim  
aznizan@mpob.gov.my

► Canberra

**P**engerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad, mengetuai delegasi MPOB ke Canberra bagi mengadakan pertemuan dua hala bersama ahli Parlimen Australia. Rombongan turut disertai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia, Dato' Salman Ahmad dan Pengarah NKEA Minyak Sawit dan Getah, PEMANDU, Ku Kok Peng.

Ini adalah lawatan kali kedua Tan Sri Shahrir ke Canberra. Lawatan pertama beliau ialah pada November tahun lalu di mana beliau bertemu dengan Senator Nicholas Xenophon dan Rowan Ramsey.

Sebelum itu, kedua-dua ahli Parlimen ini sudah menerima jemputan Tan Sri Shahrir untuk menghadiri Sabah Wildlife Con-

servation Colloquium 2012 yang diadakan pada Januari 2012 di Kota Kinabalu, Sabah.

## Usaha capai industri mampan

Kehadiran ahli Parlimen bebas dan wakil Parti Liberal ini memberi pendedahan kepada mereka terhadap usaha ke arah mencapai industri mampan dan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan dan industri sawit dalam pemuliharaan biodiversiti hutan tropika.

Pada lawatan kali ini, Tan Sri Shahrir bertemu Greg Hunt yang bersetuju untuk bekerjasama dengan Malaysia di dalam usaha pemuliharaan hidupan liar di Malaysia.

Beliau menunjukkan minat untuk menyalurkan dana khas melalui badan pemuliharaan Australia untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pemuliharaan di Malaysia.

Pertemuan turut diadakan dengan Julie Bishop, John Cobb dan Senator Richard Colbeck.



Tan Sri Shahrir Abdul Samad (kanan) dan delegasi Malaysia bergambar kenangan bersama Menteri Pendidikan Sekolah, Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Remaja Australia, Peter Garret (empat dari kanan).

Pertemuan ini diatur khas oleh Rowan Ramsey, ahli Parlimen yang sudah menjadi rakan baik industri sawit Malaysia.

Selain itu, pelajar dari Sekolah Tinggi Perempuan Burwood sudah menulis surat kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia, Dato' Salman Ahmad, meluahkan kebimbangan mereka terhadap kesan ke atas alam sekitar akibat pembukaan ladang sawit di Malaysia. Perkara ini telah dibincangkan semasa perte-

muan dengan Menteri Pendidikan Sekolah, Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Remaja Australia, Peter Garret.

## Lawatan ke Sabah

"Empat pelajar dan dua guru pengiring dari sekolah berkenaan dijemput datang ke Sabah bagi melihat sendiri usaha-usaha pemuliharaan hidupan liar yang dijalankan oleh Malaysia."

"Kami berharap selepas mereka pulang ke Australia nanti,

mereka akan berkongsi cerita dan pengalaman mereka di Malaysia bersama rakan-rakan mereka.

"Industri sawit mempunyai peranan yang sangat besar bagi melaksanakan strategi yang sudah diperincikan di dalam Pelan Tindakan," kata Tan Sri Shahrir ketika menyerahkan satu set Pelan Tindakan Hidupan Liar orang utan, badak sumbu dan gajah kepada ahli-ahli Parlimen.

## Perjelas fakta sawit

► Dari muka 4

Persidangan diadakan bertepatan dengan kemuncak kempen yang dilancarkan oleh media Australia yang mendakwa industri sawit memusnahkan hidupan liar dan faktor utama hutan hujan tropika ditebang secara berleluasa di rantau Asia Tenggara.

Tan Sri Shahrir berkata: "Kami ingin memberi gambaran sebenar dan telus mengenai industri sawit Malaysia yang melepasi tahap tuntutan tidak berasas dan berkongsi maklumat dengan pengguna di Australia."

Menurutnya, industri sawit di Malaysia telah menuju ke arah industri mampan dan terbabit secara langsung di dalam usaha-usaha pemuliharaan.

Lapan kertas kerja dibentangkan pada persidangan berkenaan termasuk oleh Dato' Carl Bek Nielsen (United Plantations Bhd), Dr Carl Traeholt (Copenhagen Zoo), Dr Marc Ancrenaz (HUTAN), Khairudin Hashim (Sime Darby), Rachel Lowry (Zoos Victoria), Kim Leighton (Australian Food & Grocery Council), Tim Cronin (WWF Australia) dan Darrel Webber (RSPO).

Persidangan turut dihadiri Jess Pannazola, penuntut kursus biodiversiti dan pemuliharaan di Flinders University di Adelaide yang melancarkan laman sesawang - change.org - untuk mendapatkan tandatangan orang ramai bagi menyekat penggunaan minyak sawit oleh Subway, pembuat sandwich terkenal.

Di samping itu, enam pelajar Sekolah Tinggi Perempuan Burwood yang menulis kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia, meluahkan kebimbangan mereka terhadap kesan ke atas alam sekitar akibat pembukaan ladang sawit di Malaysia turut menghadiri persidangan tersebut.

Tan Sri Shahrir menjemput empat pelajar dan dua guru pengiring dari sekolah berkenaan untuk melawat Malaysia bagi melihat sendiri ladang sawit diurus dan usaha pemuliharaan yang dijalankan oleh industri sawit Malaysia.

Persidangan ini berjaya dalam usaha memberikan penjelasan dan menyatakan fakta yang betul berkaitan minyak sawit.

## 149 peserta terima sijil KOML

Oleh Mohd Solah Deraman  
solah@mpob.gov.my

**Keratong:** Sejumlah 149 peserta dianugerah sijil Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) sesi Mac 2012 oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin, di sini baru-baru ini.

Majlis yang turut meraikan kemasyarakatan 180 pelatih baru KOML bagi sesi September 2012 itu turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo; Setiausaha Bahagian Penggalakan Inovasi dan Modal Insan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Razali Ab Malik dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), Dr Chan Kook Weng.

Beliau juga memaklumkan PLASMA akan mengadakan tahap yang lebih tinggi iaitu Diploma Kemahiran pada tahun 2014. Ini juga menunjukkan komitmen Kerajaan dan juga MPOB dalam menghasilkan tenaga kerja yang lebih berkualiti kepada industri sawit.

Dato' Hamzah sewaktu berucap berkata, sektor perladangan sawit dapat meningkatkan produktiviti dengan penggunaan jentera di ladang dan dikendalikan pekerja mahir dalam aspek penggunaan serta penyelenggaraan jentera.

Penggunaan jentera ini sudah pasti dapat mengurangkan penggunaan buruh asing di ladang sawit.

Statistik bulan Disember 2011 me-



Dato' Hamzah menyampaikan cenderahati kepada pelatih terbaik KOML, Mohd Fadhil Ishak sempena Majlis Penyampaian Sijil KOML Sesi Mac 2012. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo (kanan) dan Setiausaha Bahagian Penggalakan Inovasi & Modal Insan (PIMI), MPIC, Razali Ab. Malik (dua dari kiri).

nunjukkan industri perladangan sawit amat bergantung kepada tenaga buruh asing yang mencecah 373,049 orang iaitu kira-kira 75.29 peratus dari keseluruhan tenaga buruh iaitu 491,339 orang.

"197,423 daripada keseluruhan tenaga buruh adalah membabitkan kerja penuaian dan daripada jumlah itu 92 peratus atau 181,661 orang adalah tenaga kerja asing," katanya.

Keadaan ini adalah amat membimbangkan dan langkah proaktif perlu dikenal pasti dan dilaksanakan.

Sehubungan itu, beliau turut menyarankan agar pekebun kecil sawit atau estet persendirian untuk menggunakan kaedah penjenteraan ladang dalam aktiviti perladangan mereka

bagi meningkatkan produktiviti dan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi.

Hal ini sejajar hasrat Kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat berpendapatan tinggi.

Pada majlis itu pelatih berkenaan dianugerahkan sijil IMPAC dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Dato' Hamzah berkata, Kursus Operator Mekanisasi Madang diiktiraf sebagai latihan kemahiran oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia bertujuan melahirkan warga tempatan yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam mengendalikan jentera ladang.

# Ternakan lembu secara intensif dalam ladang sawit

» Sistem ternakan integrasi mampu raih pulangan RM 877 695, peringkat kadar stok lembu

## INFO

### Perkara diperlukan untuk ternak lembu secara integrasi

#### Kawasan sawit

- Kawasan sawit ditanam menggunakan sistem dua baris kembar
- Paling minimum sepuluh hektar bagi menampung 50 induk (lembu)
- Kawasan antara baris sawit ditanam dengan rumput gajah (Napier) sebagai sumber makanan utama ternakan.



#### Baka

- Lembu "yellow cattle" terbukti sesuai dternak menggunakan sistem ini
- Bagi tujuan pembiakan, umur yang dicadangkan ialah setahun setengah untuk betina dan dua tahun untuk jantan
- Berat badan minimum lembu 175 kilogram (betina) dan 200 kilogram (jantan)
- Jumlah stok awal dicadangkan ialah 50 ekor induk betina dengan tiga ekor jantan.

#### Kandang

- Saiz dicadangkan 10 meter X 34 meter
- Dua petak kandang bersaiz 13 meter X 5 meter bagi menempatkan induk
- Setiap kandang mampu menempatkan 25 ekor induk betina dan seekor jantan.

**Oleh Siti Nurazline Azmi**  
sitinurazline@bharian.com.my

**K**adar pengeluaran daging lembu di Malaysia masih berada pada tahap rendah dengan anggaran 20 peratus pada 2010 manakala baki keperluan daging lembu kebanyakannya diimport dari negara India dan Australia.

Sehubungan itu, penternakan lembu secara integrasi dengan sawit boleh dijadikan sebagai alternatif memandangkan lebih 60 peratus kawasan pertanian di Malaysia adalah tanaman pokok sawit. Sistem ragutan secara bergilir yang sistematis boleh digunakan untuk menjalankan penternakan lembu di kawasan berkenaan yang mana sistem itu memerlukan saiz minimum kawasan yang ekonomik iaitu 400 hektar untuk memelihara seratus lembu betina dan lima lembu jantan.

Kertas kerja yang disediakan Kamil Azmi Tohiran, Raja Zulkifli Raja Omar, Wahid Omar, Idris Omar dan Suboh Ismail menjelaskan, sistem penternakan lembu secara bergilir memerlukan kawasan yang luas kerana sumber makanan lembu bergantung dengan rumput semula jadi di bawah sawit, iaitu kadar simpanan stoknya bergantung kepada kuantiti rumput yang ada.

Bagi penternakan secara intensif pula, ternakan bergantung kepada makanan yang diberi melalui sistem potong-angkut iaitu lazimnya, sistem berkenaan diamalkan bagi tujuan mengemukakan lembu sebelum disembelih tetapi kaedah tersebut memabitkan aktiviti pembiakan dan penguasaan lembu yang disesuaikan dengan persekitaran ladang sepanjang tahun.

Antara perkara yang diperlukan untuk memternak lembu secara integrasi:

**Kawasan sawit**  
Integrasi lembu secara intensif sesuai dijalankan di kawasan sawit yang ditanam menggunakan sistem dua baris kembar dan kawasan tersebut perlu mempunyai paling minimum sepuluh hektar bagi menampung 50 induk (lembu) selain ia sesuai dilaksanakan di kawasan tanaman semula dan tanaman baru. Kawasan antara baris sawit ditanam dengan

rumpun gajah (Napier) sebagai sumber makanan utama ternakan.

#### Baka

Baka yang sesuai sangat penting bagi memastikan projek penternakan itu berjaya. Sebagai contoh lembu "yellow cattle" terbukti sesuai dternak menggunakan sistem ini manakala bagi tujuan pembiakan, umur yang dicadangkan ialah setahun setengah untuk betina dan dua tahun untuk jantan.

Berat badan minimum lembu pula perlu mencapai 175 kilogram (betina) dan 200 kilogram (jantan) manakala jumlah stok awal yang dicadangkan ialah 50 ekor induk betina dengan tiga ekor jantan.

#### Kandang

Saiz kandang lembu yang dicadangkan adalah 10 meter X 34 meter disamping itu, dua buah petak kandang bersaiz 13 meter X 5 meter bagi menempatkan induk. Setiap kandang mampu menempatkan 25 ekor induk betina dan seekor jantan. Bagi kandang berkeluasan 5 meter X 4 meter untuk menempatkan lembu yang sakit atau anak yang baru cerai susu juga perlu dibina manakala, pasung bagi mengawal ternakan ketika penimbangan dan rawatan juga perlu disediakan.

Kemudahan lain diperlukan adalah bekalan air bersih, rumah kompos dan kolam rawatan tinja. Lazimnya, tiga orang pekerja diperlukan untuk melaksanakan kerja pemrosesan makanan dan lain-lain tugas di kandang.

Selain keperluan berkenaan, kejayaan projek juga meliputi semua kaedah penjagaan termasuk penggunaan rumput. Penanaman rumput Napier memerlukan masa selama tiga bulan sebelum lembu dimasukkan ke kandang.

Rumput ini ditanam di kawasan antara baris sawit yang bersaiz 15.2 meter lebar dalam sistem penanaman dua baris sawit manakala kawasan lain seperti sepanjang jalan ladang dan kawasan terbiar dalam ladang boleh juga dimanfaatkan.

Bagi penyediaan tanah dan penjagaan pula, memerlukan pekerja menggemburkan tanah dengan menggunakan bajak pingir dan silang selain turut digemburkan dengan bajak pematik seminggu sebelum penanaman dijalankan.

Sementara itu strategi pemberian makanan adalah faktor penting bagi menentukan prestasi keseluruhan ternakan. Sumber makanan utama untuk projek berkenaan ialah rumput napier yang mengandungi unsur tenaga, protein, mineral, vitamin dan serat.

Ternakan perlu diberi makan sekurang-kurangnya dua kali sehari bagi meningkatkan kecekapan pengambilan sekali gus dapat mengurangkan pembaziran. Jumlah makanan yang perlu disediakan adalah tiga peratus (berdasarkan berat kering makanan) dari anggaran berat ternakan.

Bagaimanapun, jumlah makanan perlu ditambah bagi kumpulan induk yang menyusukan dan anak lembu. Sekiranya penggunaan rumput napier tidak mencukupi, pelepas sawit yang dirinjal juga boleh digunakan sebagai bekalan serat kepada ternakan.

Untuk kesihatan ternakan, setiap lembu harus diberi perhatian dari pelbagai sudut seperti makan minum, proses melahirkan anak, tabiat sosial dan lain-lain. Sekiranya terdapat tabiat tidak normal ia perlu direkodkan untuk diperiksa dan selalunya ternakan yang sihat akan mempunyai bulu yang berkilat, pembentukan daging dan memperhatikan tabiat yang baik.

Selain itu, bagi proses pembiakan pula, ia dilakukan secara semula jadi iaitu membiarkan satu induk mengawan dengan 25 ekor induk betina manakala

bunting ditentukan selepas tiga bulan ternakan dikahwinkan. Induk betina yang tidak bunting perlu dirawat untuk mengetahui puncanya.

Bagi penjagaan anak baru lahir, mukus pada hidung dibersihkan dan tali pusat dicelup ke dalam larutan iodine dan kemudian ditimbang ia juga perlu dipastikan mendapat susu kolostrum dalam tempoh dua jam selepas kelahiran.

Anak yang dilahirkan dibenarkan tinggal bersama dengan induk sehingga tempoh cerai susu. Pada usia tujuh hingga lapan bulan anak akan dipisahkan dari induk (cerai-susu). Kumpulan anak ini akan diletakkan dalam kandang yang khas bagi anak.

Bagi memastikan penjagaan ladang teratur, setiap kejadian harus direkodkan untuk pemantauan prestasi projek yang dijalankan. Perincian dibuat secara teliti dari segi stok, pembiakan, kelahiran, kematian, pemakanan, rawatan dan jualan.

Mengikut kertas kerja yang disiapkan itu, faedah yang boleh didapati menerusi projek berkenaan antaranya ialah membolehkan usaha integrasi ternakan dijalankan seawal selesai penanaman sawit.

ia secara tidak langsung dapat meningkatkan kawasan yang berpotensi untuk dijalankan integrasi ternakan dengan sawit sekali gus, kapasiti pengeluaran daging negara dapat dipertingkatkan.

Teknologi yang dicadangkan itu juga

dapat meningkatkan kapasiti simpanan stok bagi projek integrasi lembu berbanding teknologi sebelum ini. Melalui teknologi penternakan lembu secara ragutan bergilir seekor lembu memerlukan kawasan seluas empat hektar tetapi penternakan secara intensif membolehkan kapasiti ditingkatkan kepada lima ekor lembu sehektar.



Penternakan secara intensif penting bagi menajana pendapatan terutama ketika sawit belum matang dan ia boleh dijadikan penjana sumber pendapatan tambahan disamping hasil jualan buah tandan segar.

Jika dilihat dari sudut prestasi teknikal, data dan kajian MPOB mendapati penggunaan yellow cattle dalam projek penternakan secara intensif mencapai kadar kelahiran yang tinggi iaitu 85 peratus dan kadar kematian yang rendah iaitu lima peratus.

Dalam kajian itu juga mendapati punca kematian yang tinggi bagi anak lembu disebabkan jangkitan kuman Brucella sp terhadap induk manakala bagi lembu dewasa, tiada kematian direkodkan terhadap induk dan lembu jantan.

Analisa karas mendapati peratus daging anak jantan diberi makan 100 peratus PKC adalah 52.3 peratus dan 100 peratus PKC adalah 57.1 peratus. Nisbah daging dibandingkan dengan tulang bagi yellow cattle adalah 74 peratus berbanding 26 peratus iaitu lebih tinggi sedikit

berbanding nisbah tersebut bagi lembu Kedah-Kelantan.

Anggaran kos keseluruhan bagi tempoh sepuluh tahun projek adalah RM 502 032 yang mana jumlah pendapatan kasar yang diunjurkan bagi projek ini adalah RM 877 695. Sumber utama pendapatan adalah jualan lembu yang telah digemukkan.

Anak lembu dilahirkan perlu digemukkan terlebih dulu sebelum dijual dan bagi model berkenaan, diunjurkan 40 ekor lembu dewasa dijual bermula pada tahun ke tiga. Nilai kini bersih (NPV) adalah RM 107 400 dengan kadar diskaun sepuluh peratus yang mana projek tersebut memberikan kadar pulangan dalam (IRR) pada kadar 19 peratus dan nisbah faedah-kos (BCR) pada kadar 1.75 dengan tempoh bayaran balik enam tahun.

Kesimpulan yang diperoleh daripada hasil kertas kerja terbahit ialah sistem penternakan seperti dicadangkan itu terbukti mampu meningkatkan kadar stok lembu yang diintegrasikan. Tanah sepuluh hektar dianggarkan dapat menampung 132 ekor pada masa ditetapkan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan didapati yellow cattle sesuai dternak menggunakan sistem berkenaan dan melalui analisa aspek teknikal dan ekonomi menunjukkan projek ini adalah berlaya maju diusahakan masa kini dan diteruskan sehingga masa depan.



## FAKTA NOMBOR

**400 hektar**

Kawasan diperlukan bagi memelihara 100 lembu betina dan lima lembu jantan menggunakan sistem ragutan secara bergilir yang sistematis

**50 induk**

lembu bagi kawasan sepuluh hektar

**25 induk**

betina dan seekor jantan bagi saiz kandang lembu 10 meter X 34 meter

**15.2 meter**

baris sawit ditanam rumput

**3 bulan**

tempoh bunting selepas dikahwinkan

**RM502, 032**

kos dianggarkan tempoh 10 tahun projek

**RM877, 695**

pendapatan kasar diunjur bagi projek ternakan

**10 Hektar**

Kawasan diperlukan bagi memelihara 50 lembu betina dan seekor lembu jantan menggunakan sistem intensif

## Bekalan minyak masak mencukupi di pasaran

Oleh Norihan Husain dan Hashim Man

Norihan@mpob.gov.my,  
mashim@mpob.gov.my

**Bangi:** Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainuddin dalam pertemuannya dengan lebih 100 pembungkus minyak masak di sini, baru-baru ini menyatakan, tidak timbul masalah dan rungutan mengenai bekalan minyak masak di dalam negara pada musim Hari Raya Aidil Fitri lalu berikutan langkah Kerajaan memastikan bekalan minyak masak adalah mencukupi.

Antara langkah diambil termasuk pengalihan kuota dari September dan November ke Julai dan Ogos dan juga pemantauan ketat ke atas saluran bekalan minyak masak.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mempunyai hubungan kerjasama yang erat untuk memastikan pelaksanaan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) berjalan lancar.

"Kerajaan akan terus memantau selama enam bulan untuk memastikan bekalan minyak masak adalah mencukupi sehingga Hari Raya Cina akan datang," katanya.

Dato' Hamzah juga menjelaskan kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM1.5 bilion pada tahun lalu untuk subsidi minyak masak dan menggesa setiap kilang penapis dan pembungkus minyak masak supaya mematuhi peraturan yang digariskan kerajaan.

"Kerajaan berhak menarik balik kuota mana-mana penerima kuota minyak masak yang didapati menyeleweng atau tidak bertanggungjawab," katanya.

Beliau juga mengingatkan kilang-kilang penapis supaya mengedar minyak masak kepada pembungkus minyak masak mengikut jadual supaya bekalan minyak masak tidak terganggu di pasaran.

# Ejen transformasi sawit

» Pekebun kecil bantu sumbang perkembangan pesat industri

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

► Kota Kinabalu

**P**ekebun kecil adalah antara ejen penggerak transformasi sawit negara yang terpenting dan turut menyumbang kepada perkembangan pesat industri sawit ketika ini.

Ini dibuktikan dengan peningkatan keluasan tanaman sawit yang dimiliki oleh pekebun kecil pada setiap tahun, kata Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, sewaktu menyampaikan ucapan-tama Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2012 di sini baru baru ini.

Beliau berkata, keluasan tanaman sawit sehingga Disember 2011 adalah 5 juta hektar, iaitu merangkumi 3.04 juta hektar bagi sektor estet swasta, 0.70 juta hektar Felcra, 0.16 juta hektar Felcra, 0.08 juta hektar Kerajaan Negeri dan 0.70 juta hektar pekebun kecil persendirian.

"Bilangan pekebun kecil persendirian yang menanam sawit adalah seramai 179,350 orang, iaitu meliputi 140,075 orang berada di Semenanjung Malaysia, 25,922 di Sabah dan 13,353 di Sarawak.

"Sekiranya, setiap keluarga pekebun kecil sawit mengandungi lima (5) isi rumah, ini bermakna kira-kira 3.1 peratus penduduk Malaysia yang berjumlah 28.59 juta yang berdaftar sehingga 2010 bergantung hidup kepada sumber pendapatan sebagai pekebun kecil sa-

wit persendirian," katanya.

Datuk Dr Choo berkata, sebagai strategi telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui MPOB bagi memaju dan meningkatkan produktiviti sektor pekebun kecil agar seiring dengan sektor perladangan.

Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit, projek yang mengkhususkan kepada pekebun kecil sawit persendirian adalah EPP1, iaitu Mempercepatkan Tanam Semula Sawit tahun 2011 hingga 2013.

### Pelaksanaan Projek EPP1

"Pelaksanaan Projek EPP1 ini adalah melalui Skim Bantuan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dengan sasaran keluasan 109,000 hektar melalui peruntukan yang berjumlah RM1.02 bilion," katanya.

Nilai bantuan kedua-dua skim bantuan ini adalah RM7,500 sehektar bagi pekebun kecil di Semenanjung Malaysia, manakala RM9,000 sehektar bagi pekebun kecil di Sabah dan Sarawak.

Sehingga Ogos 2012, prestasi pencapaian Projek EPP1 telah mencapai 47.2 peratus atau 65,360.42 hektar keluasan tanaman berbanding sasaran yang berjumlah 109,000 hektar.

Datuk Dr Choo berkata sambutan yang kurang menggalak oleh pekebun kecil itu adalah disebabkan harga buah sawit berada di paras yang tinggi menyebabkan mereka menanggung aktiviti tanam semula pokok sawitnya.

Di bawah Projek EPP3 bagi



Datuk Dr Choo Yuen May

Meningkatkan Produktiviti Pekerja, Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC) telah disediakan kepada pekebun kecil bertujuan untuk meningkatkan produktiviti penuaian antara 100 hingga 150 peratus berbanding penggunaan sabit manual di samping berupaya mengurangkan penggunaan tenaga kerja terutama buruh asing.

"Di bawah skim ini, pemohon yang layak akan diberi diskaun RM1,000 bagi setiap unit CANTAS yang dibeli.

"Sehingga Julai 2012, sejumlah 3,165 unit CANTAS atau 52.7 peratus telah dijual melalui SKIDIC berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 6,000 unit bagi skim yang disediakan untuk tempoh 2010 hingga 2012 atau sehingga peruntukan habis," katanya.

### Promosi skim

Datuk Dr Choo berkata, pelbagai usaha dilakukan untuk mempromosi skim ini melalui roadshow, pameran, taklimat, demonstrasi dan pengiklanan melalui siaran media terma-

suk akhbar dan televisyen.

Selain itu, program Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) bertujuan memastikan pekebun kecil mengeluarkan hasil sawit secara mampan turut dilaksanakan. Program ini direalisasikan melalui Pensijilan Kebun Pekebun Kecil dan penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan.

"Kedua-dua program Pensijilan Kebun Pekebun Kecil dan penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan ini adalah key performance indicator (KPI) di bawah Projek Permulaan EPP2 bagi Meningkatkan Produktiviti Sawit," katanya.

Beliau berkata, kini tiga jenis pensijilan bagi penanam dan pekebun kecil sawit dilaksanakan secara sukarela iaitu Pensijilan Amalan Pertanian Baik (GAP), Kod Amalan Baik (CoP) dan Persidangan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO).

Sehingga Julai 2012, sejumlah 2,730 kebun kecil telah dilawati meliputi keluasan 8,140 hektar untuk program Pensijilan GAP yang dimulakan sejak Mac 2011. Daripada jumlah itu sejumlah 550 kebun yang meliputi keluasan 1,650 hektar layak mendapat Sijil GAP.

Bagi penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan pula, sehingga Ogos 2012, sejumlah 22 buah sudah ditubuhkan di seluruh negara dengan keahlian seramai 915 orang pekebun kecil.

"Melalui penubuhan koperasi ini, pekebun kecil dapat bersatu dan menjalankan projek-projek yang mendatangkan kebaikan bersama," katanya.

## 11 Koperasi Penanam Sawit Mampan sertai kursus

Oleh Nazirah Che Jaafar dan Nurul Safinaz Nor Fauzi  
Nazirah@mpob.gov.my,  
Safinaz@mpob.gov.my

**Bangi:** Seramai 35 peserta yang mewakili 11 Koperasi Penanam Sawit Mampan dari seluruh Semenanjung Malaysia menghadiri Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi anjuran MPOB dengan kerjasama Maktab Koperasi Malaysia (MKM).

Kursus yang julung kali dianjurkan itu dihadiri Ahli Lembaga Koperasi Penanam Sawit Mampan yang terdiri daripada pekebun kecil sawit dan pegawai MPOB bagi meningkatkan penge-

tahuan peserta dalam pentadbiran koperasi.

Koperasi Penanam Sawit Mampan adalah koperasi yang ditubuhkan sejak tahun 2010 dengan keahliannya terdiri daripada pekebun-pekebun kecil sawit bagi tujuan membantu meningkatkan pendapatan dan taraf sosio-ekonominya.

Perasmian kursus disempurnakan Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan, Idris Omar yang mewakili Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Sewaktu berucap, beliau menasihati Ahli Lembaga Koperasi supaya menguruskan pentadbiran koperasi mengikut undang-



Peserta Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi Penanam Sawit Mampan yang terdiri daripada pekebun kecil sawit dan pegawai MPOB. Turut kelihatan Idris Omar (enam dari kiri).

undang kecil tubuh koperasi.

Ahli koperasi juga disaran supaya bekerjasama dan berkongsi pengalaman untuk menjalankan projek pemasaran Buah Tandan Segar (BTS) bagi membantu ahli-

ahli mendapat harga terbaik.

Idris berkata, kursus ini bertujuan memberikan kefahaman tentang pengurusan koperasi mengikut undang-undang koperasi, tanggungjawab ahli lembaga ko-

"Kursus ini bertujuan memberikan kefahaman tentang pengurusan koperasi mengikut undang-undang koperasi, tanggungjawab ahli lembaga koperasi dalam mentadbir koperasi serta integriti dalam koperasi"

Idris Omar,  
Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

operasi dalam mentadbir koperasi serta integriti dalam koperasi.

Penceramah kursus terdiri daripada penceramah dari Maktab Koperasi Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

# Baja baru MPOB F2 SUPER-K dilancar

» *Formula khas tingkat kualiti sawit, kesuburan tanah terjamin*

Oleh Che Johari Mamat  
mjohari@mpob.gov.my

Kota Kinabalu

**B**aja baru sawit MPOB F2 Super-K hasil penyelidikan dan pembangunan bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan CCM Fertilizers Sdn Bhd dilancarkan untuk jualan di pasaran dan digunakan penanam sawit dalam negara mulai hari ini.

Pelancaran baja baru itu disempurnakan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin sempena Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil 2012, di sini baru-baru ini.

Datuk Hamzah ketika berucap merasmikan persidangan itu berkata kerjasama penyelidikan antara MPOB dan CCM Fertilizers menghasilkan baja MPOB F2 Super-K itu perlu dijadikan contoh kepada syarikat pengeluar baja lain bagi menghasilkan formula baja baru yang berupaya

meningkatkan pengeluaran hasil buah sawit.

## Formula baja khas

“Tanaman sawit negara kita memerlukan formulasi baja yang bersesuaian dengan jenis tanah yang berbagai digunakan untuk tanaman sawit pada masa kini.

“Penyelidikan dan kajian perlu diteruskan bagi mencari dan membangunkan formulasi baja baru yang berupaya menghasilkan buah sawit ke tahap yang optimum dan sekali gus meningkatkan pengeluaran minyak sawit negara,” katanya.

Pada 2003, MPOB dan CCM Fertilizers mula bekerjasama menghasilkan baja MPOB F2 dengan formulasi 10.7 - 9.1 - 17.3 - 1.4 + B.

Baja ini merupakan baja sebatian yang mengandungi sumber nutrien premium yang seimbang dan berupaya meningkatkan penghasilan buah sawit.

Beliau berkata, melalui penyelidikan berterusan, baja baru MPOB Super-K berjaya dibangunkan bagi kegunaan tanaman sawit di tanah gambut.

“Formulasi 7 - 3 - 30 + B serta bahan mineral bermutu tinggi, baja MPOB Super-K berupaya mengurangkan masalah licih atau larut lesap dan membolehkan tanaman mengambil nutrient yang dibekalkan.



Dato' Hamzah (dua dari kiri) melancarkan baja baru MPOB Super-K sambil diperhatikan Tan Sri Shahrir (kiri) dan Datuk Dr Choo Yuen di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

## Pertumbuhan pokok lebih baik

“Antara kebaikan dan keistimewaan baja ini adalah berupaya membolehkan pertumbuhan dan pembesaran pokok dengan lebih baik, meningkatkan kecekapan dan nilai baja, meningkatkan penyusupan air serta mengekalkan nutrient yang dibekal-

kan,” katanya.

Selain itu, baja ini juga berupaya meningkatkan kualiti tanah untuk jangka panjang selain mengurangkan kadar kehilangan nutrien dalam tanah sekali gus mampu membantu tumbesaran pokok yang lebih baik terutamanya bagi tanaman di kawasan

tanah gambut.

Turut hadir ketika majlis pelancaran baja baru MPOB Super-K, Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Choo Yuen May dan Pemangku Pengarah Bahagian CCM Fertilizers Sdn Bhd, Mohd Raflee Abdullah.

# 97 peratus kilang sawit bawah NKEA tingkat OER

Oleh Dr Zainon Mat Sharif  
zainon@mpob.gov.my

**Bangi:** Sejumlah 97 daripada 100 buah kilang sawit atau 97 peratus yang menerima penempatan pegawai MPOB bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di kilang tersebut berjaya mencatatkan peningkatan Kadar Perahan Minyak (OER).

Felo Penyelidik Kanan Implementasi Projek Huluan NKEA, Azmi Hassan, berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja kepada Pemandu bagi cadangan memberi pengiktirafan kepada kilang yang mencapai peningkatan OER.

Azmi berkata, peningkatan OER daripada 0.04 hingga 1.96 peratus dicatat 97 kilang itu untuk tempoh penempatan pegawai MPOB di kilang-kilang berkenaan sejak April 2011 hingga Mac 2012 berbanding dengan pencapaian OER pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

## Bantu pengurusan kilang

“Pegawai MPOB ini bertindak membantu pengurusan kilang-kilang

berkenaan bagi memastikan bekalan buah sawit yang diterima dan diproses adalah buah sawit segar yang masak dan berkualiti.

“Mereka juga memainkan peranan menasihati pengurusan kilang supaya tidak menerima dan tidak memproses buah sawit mentah bagi memastikan kadar perahan minyak yang diperolehi tidak mengalami kemerosotan,” katanya.

Beliau berkata, sehingga kini seramai 294 pegawai ditempatkan di 294 buah kilang sawit seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak daripada 424 buah kilang sawit yang beroperasi di seluruh negara.

“Kilang sawit yang masih belum menerima pegawai dijangka akan menerimanya pada tahun 2013,” katanya.

Azmi berkata, peningkatan OER itu adalah petanda yang positif bagi Projek Permulaan 4 (Entry Point Project 4 - EPP4) di bawah NKEA yang menyasarkan peningkatan OER sebanyak 23 peratus menjelang tahun 2020.

Sewaktu membentangkan kertas kerja, Haji Azmi mencadangkan

kilang sawit yang berjaya meningkatkan pencapaian purata OER tahunan dianugerahkan sijil penghargaan bagi memberi dorongan serta galakan kepada pengurusan kilang untuk berusaha meningkatkan pencapaian OER kilang masing-masing.

## Anugerah emas

Beliau mencadangkan kilang yang mencapai peningkatan OER melebihi 1 peratus diberikan anugerah emas, manakala peningkatan antara 0.51 hingga 0.99 peratus, anugerah perak dan peningkatan antara 0.01 hingga 0.50 peratus diberi anugerah gangsa.

Sijil anugerah-anugerah ini ditandatangani bersama Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Ketua Pengarah MPOB. Sijil anugerah ini disampaikan kepada pengurusan kilang oleh Menteri pada majlis-majlis rasmi anjuran MPOB.

Azmi turut menjelaskan pelaksanaan Kad Laporan Bulanan OER kepada semua kilang sawit seluruh Malaysia bagi memantau prestasi pencapaian OER di samping mengemaskini maklumat dan prestasi OER di setiap kilang.

# KIK MPOB wakili MPIC ke peringkat kebangsaan

Oleh Mohd Abidin Zakaria  
abidin@mpob.gov.my

PUTRAJAYA: Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) MPOB bertajuk “Mengurangkan Kekeraan Kerosakan dan Kos Penyelenggaraan Alat HPLC, GC, FREEZER dan LCMS di Makmal Bahagian Penyelidikan Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat (PDAS)” dipilih mewakili Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) pada Pertandingan Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan di Langkawi akhir tahun ini.

Projek berkenaan yang memenangi Konvensyen KIK Peringkat MPIC 2012 diadakan di sini bulan lalu adalah projek membabitkan mengatasi masalah berkaitan kekerapan kerosakan peralatan makmal di Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat (PDAS) yang menyumbang kepada kos penyelenggaraan yang tinggi.

Ia dilaksanakan melalui pengumpulan data awal yang diperolehi melalui soal selidik membabitkan 73 responden.

Empat peralatan iaitu HPLC,

GC, Freezer dan LCMS dikenal pasti sebagai kerap rosak dan menyumbang kepada kos penyelenggaraan yang tinggi.

Pada tahun 2010, Bahagian PDAS membelanjakan kira-kira RM200,000 untuk penyelenggaraan peralatan makmal. Bagi mengatasi masalah ini, penambahbaikan terhadap pengurusan dan penggunaan semua peralatan di makmal PDAS dilakukan bagi mengurangkan kerosakan peralatan.

Hasil penambahbaikan, Kumpulan I-PDAS mensasarkan penurunan kekerapan kerosakan alat di makmal PDAS sebanyak 80 peratus sekali gus meningkatkan produktiviti MPOB.

Latihan berkesan terhadap pengendalian setiap peralatan juga dilakukan bagi memastikan kecekapan pengendalian setiap peralatan berada pada tahap maksimum.

Dengan kemenangan itu, kumpulan berkenaan membawa pulang wang tunai RM3,000, piala iringan dan sijil penyertaan.

Tahun lalu, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) memenangi pertandingan ini bagi kategori pengurusan makmal Lembaga Koko Malaysia (LKM) memenangi kategori teknikal.



# POTS KL 2012 bincang cabaran industri

» Pakar berkongsi pandangan pada Pameran dan Seminar Perdagangan Minyak Sawit Malaysia Kuala Lumpur

Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) akan menganjurkan Pameran dan Seminar Perdagangan Minyak Sawit Malaysia Kuala Lumpur (POTS KL 2012), buat kali keempat pada 15 hingga 16 Oktober 2012, bertempat di Hotel Shangri La, Kuala Lumpur.

Bertemakan, 'Minyak Sawit Malaysia: Merentasi Halangan, Mewujudkan Peluang,' acara berkenaan akan dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Ko-



moditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Tema POTS KL 2012 dirasakan amat sesuai dengan situasi semasa yang dihadapi industri minyak sawit Malaysia di mana minyak sawit dihalang dari memasuki beberapa pasaran. Bagaimanapun, minyak sawit berjaya mengatasi halangan seperti kempen negatif oleh badan bukan kerajaan (NGO) asing. Selain itu, harga minyak sawit yang kompetitif memberikan kelebihan dan daya saing yang lebih tinggi kepada industri domestik, berbanding minyak dan lelemak import lain.

Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU, Datuk Seri Idris Jala juga

akan membentangkan kertas kerja bertajuk "Program Transformasi Ekonomi: Halatuju dan Peluang-Peluang di dalam Industri Sawit" pada sesi plenary POTS KL 2012.

Acara yang berlangsung selama dua hari itu akan menyentuh pelbagai aspek industri minyak sawit antaranya - pembangunan pasaran; cabaran industri minyak dan lelemak; serta prospek minyak sawit Malaysia.

Antara pakar industri minyak dan lelemak serta ekonomi yang akan berkongsi pandangan mereka pada POTS KL 2012 ialah Dr James Fry, Dorab Mistry, Thomas Mielke, Wayne Gordon dan Ethan Hendricks.

Selain itu, sesi Bengkel Pemasaran Serantau yang menyentuh peluang memasarkan minyak sawit juga akan dikelolakan.

Malaysia adalah antara penguji minyak serta lelemak sawit utama dunia. Antara rakan niaga dan destinasi eksport minyak sawit yang penting ialah China, India, Eropah dan Amerika Syarikat.

Hubungan perdagangan antara ahli industri minyak dan lelemak Malaysia dengan negara ini harus diberi perhatian supaya ia ber-

kekal dan terus berkembang.

Pada lapan bulan pertama tahun ini, jumlah eksport minyak sawit dan produk sawit Malaysia mencecah hampir 11 juta tan. Walaupun ia berkurangan sedikit berbanding pada jangka sama tahun 2011, eksport sawit masih kukuh kerana banyak negara di dunia bergantung kepada import minyak dan lelemak kerana jumlah pengeluaran minyak dan lelemak domestik di kebanyakan negara tidak dapat menampung keperluan dan permintaan penduduk yang kian meningkat.

Tahun 2012 dijangka akan menjadi lebih mencabar akibat dari krisis ekonomi Eropah dan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat. Bagaimanapun, import minyak sawit dijangka akan terus mengisi jurang bekalan dan permintaan industri minyak dan lelemak kerana harganya yang kompetitif.

“Minyak sawit dijangka terus mengisi jurang bekalan dan permintaan industri minyak dan lelemak kerana harganya yang kompetitif. Kekurangan bekalan kacang soya dunia juga merupakan antara penyebab peningkatan permintaan minyak sawit”

Kekurangan bekalan kacang soya dunia juga adalah antara penyebab peningkatan permintaan minyak sawit.

Untuk menyertai POTS KL 2012 dan maklumat lanjut, hubungi Izham atau Kharibi di talian 03-78064097 atau emel: izham@mpoc.org.my/kharibi@mpoc.org.my.

**ANNOUNCEMENT**

## MALAYSIAN PALM OIL TRADE FAIR & SEMINAR 2012

15-16 October 2012, Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur

# POTS™

**Malaysian Palm Oil, Breaking Barriers... Creating Opportunities**

**Highlights**

- Exciting line-up of seminar papers
- Investment and trade opportunities
- Business meetings
- Excellent networking opportunities
- Showcase of products & services
- Event sponsorship opportunities

**ORGANISED BY :**

For more information, please contact:

**Malaysian Palm Oil Council**  
 Mr. Mohd Izham / Mr. Muhammad Kharibi  
 Tel : +603-7806 4097  
 Fax : +603-7806 2272  
 Email : izham@mpoc.org.my  
 Kharibi@mpoc.org.my

Register online now at:  
[www.mpoc.org.my](http://www.mpoc.org.my)

## KEISTIMEWAAN SAWIT

Tanaman sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar. Kepada kesihatan. Kepada kehidupan. Kepada martabat.

Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk kehidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit Malaysia turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia. di samping menjana ekonomi negara dan juga dunia.

Ia adalah lebih dari sekadar minyak sawit. Ianya merupakan sumber alam semulajadi untuk kehidupan.

Minyak Sawit Malaysia  
*Kesihatan yang baik. Harapan dan masa depan.*



# Sawit bantu tingkat pendapatan penduduk luar bandar

Industri sawit negara terus mencatat prestasi membanggakan dan mengalami perkembangan pesat sejajar dengan permintaan dunia. Pendapatan tinggi ini mendorong pertumbuhan ekonomi di bandar kecil dan kawasan luar bandar seluruh negara. Penduduk luar bandar mendapat tempas menguntungkan kesan dari kenaikan harga tersebut.

Kerajaan sentiasa berusaha bagi mencapai status penduduk berpendapatan tinggi menjelang 2020. Pelannya terkandung dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) melalui pelaksanaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sektor sawit. Ia suatu pelan tindakan bersepadu bagi memastikan industri sawit terus berdaya saing, produktif dan mampan.

Di samping itu, Dasar Komoditi Negara juga diwujudkan. Dasar ini meliputi komoditi utama negara seperti sawit, getah, perikanan, koko, tembakau dan lada. Dasar ini dirangka bagi memacu pertumbuhan industri komoditi. Ianya akan memberi manfaat kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), hasil eksport dan peluang pekerjaan. Ia juga akan meningkatkan taraf hidup dan pendapatan rakyat, terutama di luar bandar.

Industri sawit menjadi antara penyumbang pendapatan utama kepada ekonomi Malaysia. Sawit menjadi tanaman penting kerana ia mampu menghasilkan sumber makanan yang pelbagai kepada haiwan dan manusia, bermula dari buah sehingga ke bahan buangan. Harganya stabil dan sentiasa berada pada paras yang menguntungkan. Pengurusannya juga tidak banyak masalah seperti penyakit, cuaca atau persekitaran. Tidak hairanlah lebih banyak ladang dan kawasan terbiar di luar bandar telah diusahakan atau diganti dengan penanaman kelapa sawit. Teknologi dan amalan pertanian baik

yang diterapkan memberi impak produktiviti sedia ada.

Sawit adalah tanaman berpotensi membantu penduduk luar bandar menjana pendapatan secara kekal dan mengurangkan aktiviti pertanian secara berpindah randah. Sebagai contoh, penghuni rumah panjang akan beralih menjalankan aktiviti pertanian tetap dan berlokasi khusus. Ini mengurangkan kebergantungan kepada pencarian hasil hutan yang tidak menentu.

Usaha menggalakkan penduduk melibatkan diri dalam industri ini digalas dengan cemerlang oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Pelbagai dasar, program dan insentif disediakan. Antaranya Skim Tanam Baru Sawit, Bantuan Tanam Semula, Peladang Contoh, Kelab 30tan, Koperasi Penanam Sawit Mapan, Skim Pekebun Berkelompok, Amalan Pertanian Baik, Khidmat Nasihah TUNAS, Bantuan Cantas. Strategi dan program MPOB yang strategik ini membantu dan menarik minat bagi pengusaha sawit khususnya di luar bandar.

Kerajaan melalui MPOB sentiasa membantu dan bertanggungjawab meningkatkan pendapatan. Bantuan dalam bentuk anak benih berkualiti dan input pertanian seperti baja dan racun terus disalurkan. MPOB membantu pelaksanaan pensijilan RSPO secara berkumpulan. Latihan berkaitan amalan pertanian baik bagi meningkatkan pengeluaran BTS mampan turut dilaksanakan. Koperasi diwujudkan agar pekebun kecil sawit kekal melaksanakan amalan pertanian baik dan faedah sampingan. Koperasi memberi kuasa penawaran tinggi untuk memasarkan hasil BTS. Ia berupaya melaksanakan aktiviti lain menggunakan sumber kongsi terkumpul. Ia membantu membaiki taraf hidup pe-

kebun terutama yang mengalami kekurangan modal. Juga menyatukan secara setempat dan berkelompok, memberi latihan dan pendidikan, menyediakan produk dan perkhidmatan.

MPOB menggalakkan pekebun mempelbagaikan kaedah perladangan dengan melaksanakan integrasi tanaman dan ternakan. Pekebun boleh menanam jagung, pisang, tebu, nanas atau pepohon herba. Juga mengusahakan ternakan kambing dan lembu.

Dengan adanya sistem ini, akan dapat membantu menambahkan lagi pendapatan, sambil menunggu hasil sawit dituai. Juga menjadi sumber pendapatan utama bagi tiga tahun pertama dimana sawit belum mengeluarkan hasil. Apapun yang ditanam dan diternak secara sistem integrasi pasti akan memberi pulangan atau pendapatan tambahan penduduk luar bandar.

Pada zaman negara kini menuju era kepelbagaian teknologi canggih, penanaman sawit ternyata memberi kemudahan kepada pengusaha. Juga memberi keuntungan signifikan kepada ekonomi. Tanaman sawit umpama emas yang bernilai. Ia berupaya meningkatkan produktiviti dan pendapatan serta menyumbang peningkatan taraf sosio ekonomi keluarga. Kini kehidupan pengusaha sawit luar bandar lebih sejahtera dan terjamin.

Memang benarlah mesej yang dicanangkan MPOB dalam mempromosikan keistimewaan sawit itu. "Sawit memberi pelbagai kebaikan yang tidak ternilai. Kepada alam sekitar, kesihatan, kehidupan dan ekonomi. Pokoknya mengeluarkan oksigen untuk hidupan dan membendung pemanasan global. Buahnya memberi vitamin dan tenaga. Industri sawit turut menyumbang kepada kehidupan jutaan penduduk di seluruh dunia, disamping menjana ekonomi negara dan juga dunia. Ia adalah lebih dari sekadar minyak sayuran. Ianya merupakan anugerah alam semulajadi untuk kehidupan".

## INFO

### PEMENANG PERTAMA

● Siti Nurshafiqah Shariffuddin.

● K/P: 961229-08-5264.

● SMK Bagan Serai, Jalan Matang Buluh, Bagan Serai, Perak.

## Peraduan mengarang esei Berita Sawit Oktober 2012

Peraduan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Industri sawit mesra alam sekitar. Bincangkan".

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;

Hadiah Pertama : RM250  
Hadiah Kedua : RM200  
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Oktober 2012 akan datang.

### Syarat Penyertaan:

- Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
- Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
- Keputusan juri adalah muktamad
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada 24 Oktober 2012
- Hantarkan penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit  
Ibu Pejabat MPOB  
6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor  
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad  
(Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan September 2012

Pemenang:  
**Hadiah Pertama**  
Siti Nurshafiqah Shariffuddin  
(No. K/P: 961229-08-5264)  
SMK Bagan Serai,  
Jalan Matang Buluh, Bagan Serai,  
Perak

**Hadiah Kedua**  
Amir Azri Norazlan  
(No. K/P: 960512-05-5477)  
SM Vokasional Ampangan,  
Seremban, Negeri Sembilan

**Hadiah Ketiga**  
Ahmad Faris Azrai Ismail  
(No. K/P: 970531-50-5025)  
SMK Agama Maahad Hamidiah,  
Jalan Sungai Ramal Luar,  
Kajang, Selangor

## KUIZ SAWIT siri 22

### Syarat penyertaan

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah;
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang;
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz.
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 24 Oktober 2012
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

### Ketua Pengarang Berita Sawit

Kuiz Sawit (Siri 22)  
Ibu Pejabat MPOB  
6, Persiaran Institusi,  
Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor  
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

### Soalan Kuiz Sawit Siri 22

1. Maklumat mengenai industri sawit dan MPOB boleh diperolehi melalui laman sesawang?  
 www.mpob.com.my  www.mpob.gov.my  www.mpob.org.my
2. Bahan bakar berasaskan sawit boleh juga dihasilkan daripada tandan sawit kosong  
 Betul  Salah
3. Biojisim sawit sesuai untuk menghasilkan perabot dan bahan bakar alternatif  
 Betul  Salah
4. Vitamin E dalam minyak sawit dipercayai dapat melambatkan proses penuaan  
 Betul  Salah
5. Pokok sawit mulai mengeluarkan hasil seawal usia dua tahun hingga jangka hayat produktif iaitu...  
 10 tahun  15 tahun  25 tahun
6. Pekebun kecil sawit digalakkan menyertai koperasi bagi menambah pendapatan melalui amalan sawit mampan. MPOB telah melancarkan koperasi khas bagi tujuan berkenaan yang dikenali sebagai...  
 Koperasi Pekebun Kecil Sawit  Koperasi Penanam Sawit Mampan  
 Koperasi Pekebun Sawit Mampan
7. MPOB mempunyai rangkaian pejabat serantau di negara berikut:  
 Indonesia  Sepanyol  Iran
8. Dalam industri sawit, BTS adalah singkatan bagi...  
 Buah tandan sawit  Buah tandan segar  Buah tanda separa
9. Kaedah berikut yang tidak digunakan bagi pembiakan pokok sawit  
 Klon  Kultur tisu  Tut
10. Kulat yang menyebabkan penyakit reput pangkal batang pada pokok sawit dikenali sebagai...  
 Lingzhi  Cendawan Tiram  Ganoderma

### Borang Penyertaan Siri 22

Nama : \_\_\_\_\_  
Tahap : \_\_\_\_\_  
Alamat Sekolah : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
Alamat Rumah : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
No. Tel : \_\_\_\_\_

### Nama pemenang Siri 21

- 1. Ainnur Shamimi Mohd Noor  
Sek. Keb. Balok, Kuantan, Pahang
- 2. Muhd Nursalam Ahmad Nasfu  
Sek. Keb. Tengku Ampuan Maniam,  
Kuala Terengganu, Terengganu
- 3. Ahmad Hafis Akramin Mohamad Khizar  
Sek. Keb. Bandar Tun Abdul Razak, Jengka,  
Pahang
- 4. Nur Anis Azizul Akmal  
Sek. Keb. Paroi, Seremban, Negeri Sembilan
- 5. Nurfarhana Mohd Johan  
Sek. Keb. Kem Gemas, Gemas,  
Negeri Sembilan
- 6. Muhammad Hazim Muhaimin Norzhar  
Sek. Keb. Tun Syed Ahmad Shahabudin, Air  
Keroh, Melaka
- 7. Aisar Qaey'yusrun Adam Azwan  
Sek. Keb. Paroi, Seremban, Negeri Sembilan
- 8. Mohd zakwan Yusoff  
Sek. Keb. Taman Koperasi Polis, Taman Batu  
Muda, Kuala Lumpur
- 9. Farhan Hakimi Zolhairi  
Sek. Keb. Serawang, Seremban, Negeri Sembilan
- 10. Syasya Nurina Shahrul Izwan  
Sek. Keb. Gangsa, Hang Tuah Jaya, Durian  
Tunggal, Melaka



Tan Sri Bernard Dompok (empat dari kanan) bersama mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM), ketika majlis **penyerahan Kad Diskaun Siswa kepada mahasiswa baru** sempena Minggu Perkasa Putra, UPM. Turut kelihatan Ketua Setiausaha MPIC, Datin Paduka Nurmala Abdul Rahim (empat dari kiri).



Tan Sri Bernard Dompok bersama Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Romania, HE Daniel Constantin (kiri) semasa **bermesyuarat dua hala sempena lawatan kerja** beliau ke Romania baru-baru ini. Turut kelihatan M. Nagarajan (dua dari kanan), Datuk Lee Yeow Chor (tiga dari kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May (empat dari kanan).



Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Tan Sri Bernard Dompok (tujuh dari kiri) **sempena lawatan Misi Ekonomi dan Promosi Minyak Sawit ke Perancis dan Romania baru-baru ini.**



Tan Sri Bernard Dompok (tengah) semasa **bermesyuarat meja bulat bersama pengimport, peruncit dan pengilang sempena lawatan Misi Ekonomi dan Promosi Minyak Sawit ke Perancis baru-baru ini.** Turut kelihatan, dari kiri, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, Pengerusi MPOC, Datuk Lee Yeow Chor, Duta Malaysia ke Perancis, Datuk Abdul Aziz Zainal dan Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron (kanan).



Pengerusi MPOB, Tan Sri Shahrir Abdul Samad (dua dari kiri), semasa sidang media **kemampuan dan usaha pemuliharaan alam sekitar oleh industri minyak sawit Malaysia.** Turut kelihatan, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (kiri), Setiausaha Kehormat RSPD, Darrel Webber (tengah), Ketua Kumpulan Kemampuan dan Pengurusan Kualiti Sime Darby, Haji Khairudin Hashim (dua dari kanan) dan Pengarah PDAS MPOB, Dr Kalanithi Nasaretnam.



Dato' Hamzah Zainudin (dua dari kiri) ketika **merasmikan Persidangan Antarabangsa Biojism MPOB 2012.** Turut kelihatan Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Mohd Sanuri Shahid (kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan).



Dato' Hamzah Zainudin (empat dari kanan), Tan Sri Shahrir Abdul Samad (lima dari kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May (tiga dari kanan) bersama sebahagian **pekebun kecil sawit yang menerima skim bantuan CANTAS dan penerima sijil Kod Amalan Pertanian Baik MPOB (CoP)** ketika majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit 2012 di Kota Kinabalu.